

27 MAR 2002

Kazakhstan-Lawat (Bergambar)/I

KAZAKHSTAN AKAN KAJI PENGALAMAN PARLIMEN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Delegasi lima anggota Parlimen Kazakhstan yang diketuai oleh pengerusinya, Zharmakhan Tuyakbay, hari ini melawat bangunan Parlimen di sini untuk mengetahui lebih dekat proses membuat undang-undang Malaysia.

Tuyakbay berkata: "Tugas utama delegasi Parlimen Kazakhstan ialah untuk mengkaji pengalaman aktiviti Parlimen Malaysia dan menjalin hubungan antara kedua-dua Parlimen."

Tuyakbay dan anggota delegasinya meluangkan masa, masing-masing kira-kira sejam untuk berbincang dengan Speaker Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail dan Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Michael Chen Wing Sum.

Chen memberitahu pemberita selepas perjumpaan itu bahawa anggota Parlimen Kazakhstan berminat dengan pengalaman membuat undang-undang Malaysia kerana mereka berpendapat Malaysia mempunyai sistem perlembagaan yang amat baik.

"Sebab itu kenapa mereka mahu mengetahui selok belok operasi kedua-dua dewan (Parlimen) kita," katanya.

Tuyakbay berkata kedua-dua negara mempunyai hubungan diplomatik yang baik sejak Kazakhstan mencapai kemerdekaan pada 1991 dan negara Asia Tengah itu mahu meningkatkan hubungan dua hala.

Antara bidang yang Kazakhstan berminat menjalinkan kerjasama ialah dalam perdagangan dan ekonomi serta aktiviti kebudayaan, katanya.

Katanya Kazakhstan mempunyai potensi pelaburan yang baik dan negara itu mengalu-alukan para usahawan Malaysia untuk melabur, manakala pada masa yang sama mahu mengkaji bidang berpotensi lain bagi kerjasama ekonomi bersama.

Delegasi Kazakhstan itu tiba di sini semalam dan akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Mereka akan pulang ke Kazakhstan pada Isnin.

-- BERNAMA

MK ZS RHM